



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKPP PSD 127/171/2-17
Tarikh : 19 OGOS 2016

Pengurus,
SUN SUNG LEE ENGINEERING SDN. BHD.
No. 1521, Ladang Valdor, Sungai Bakap,
14200 Sungai Jawi,
Seberang Perai Selatan.

Tuan,

Kelulusan Pembaharuan Pendaftaran Sebagai Syarikat Kontraktor Gas

No. Pendaftaran : BP 21 / 184
Premis/Kilang : No. 1521, Ladang Valdor, Sungai Bakap, 14200 Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan
Tempoh Kelulusan : 27 Ogos 2016 hingga 26 Ogos 2019

Saya dengan hormatnya merujuk kepada permohonan tuan berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini meluluskan permohonan pendaftaran syarikat tuan sebagai syarikat kontraktor gas bagi skop berikut:-

- i) **GCD01-Paip Talian**
- ii) **GCD02-Paip Retikulasi**

3. Kelulusan pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah:-


- i. Jabatan ini hendaklah diberitahu sekiranya terdapat sebarang pertukaran, tambahan atau pemindahan pada nama syarikat, alamat dan pegawai teknikal.
- ii. Sebelum kerja-kerja pemasangan boleh dijalankan, pihak tuan mestilah terlebih dahulu mendapati kebenaran memasang (PTI) dari Jabatan ini.
- iii. Semua kerja-kerja kimpalan mestilah dibuat oleh pengimpal yang diluluskan oleh Jabatan atau pihak Badankuasa Memeriksa yang diiktiraf oleh Jabatan ini mengikut Spesifikasi Tatacara Kimpalan (*Welding Procedure Specification*) yang diluluskan. Semua kerja-kerja kimpalan hendaklah dijalankan di bawah penyeliaan yang rapi oleh pegawai kawalan mutu pihak tuan sendiri.
- iv. Pihak tuan juga dikehendaki memastikan semua rekod-rekod Spesifikasi Tatacara Kimpalan (WPS), Ujian Kelayakan Pengimpal (WQT) dan Rekod Pengimpal (Borang BP 1) disimpan dengan baik untuk semakan. Semua rekod-rekod ini perlu dihantar ke Jabatan ini semasa membuat permohonan pembaharuan pendaftaran syarikat.

- v. Pihak tuan hendaklah menyediakan latihan secukupnya kepada pekerja berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi memastikan pekerja dapat bekerja dalam keadaan selamat dan sihat.
 - vi. Pihak tuan mestilah mematuhi kehendak-kehendak peraturan Jabatan ini yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.
4. Pihak tuan hendaklah memohon pembaharuan pendaftaran dengan jabatan ini **sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** sebelum tarikh tamat kelulusan.
5. Audit pemantauan akan dilakukan ke atas premis tuan sepanjang tempoh kelulusan ini bagi menguji kepatuhan kepada syarat yang telah ditetapkan. Kelulusan ini boleh ditarik balik sekiranya terdapat pelanggaran.
6. Sekiranya pihak tuan bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat seperti di atas, sila maklumkan ke Jabatan ini secara bertulis dalam masa **empat belas (14) hari** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(Ir. HJ SAIFUL AZHAR BIN MOHD SAID)

b.p Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia

s.k.: Pengarah, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri

rcy/fyk/gc/renew/BP21_184